



18 Januari 2012
18 January 2012
P.U. (A) 18

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

KAEDAH-KAEDAH LALU LINTAS JALAN (LARANGAN PEMANDUAN KENDERAAN BARANGAN) 2012

ROAD TRAFFIC (PROHIBITION ON DRIVING OF GOODS VEHICLES) RULES 2012



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

KAEDEAH-KAEDEAH LALU LINTAS JALAN (LARANGAN PEMANDUAN KENDERaan BARANGAN) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 88(1)(c) Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333], Menteri, setelah berunding dengan Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi kerja raya, membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Lalu Lintas Jalan (Larangan Pemanduan Kenderaan Barang) 2012.**

- (2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 21 Januari 2012.

Tafsiran

2. Dalam Kaedah-Kaedah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, "kenderaan barang" ertiannya mana-mana jenis kenderaan yang diperihalkan dalam Jadual Pertama dan Kedua.

Larangan

3. Pemanduan mana-mana kenderaan barang yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Pertama di mana-mana bahagian mana-mana jalan dilarang pada 21, 22, 28 dan 29 Januari 2012 bagi masa yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual Pertama.

Pengecualian

4. (1) Kenderaan barang yang dinyatakan dalam Jadual Kedua dikecualikan daripada kaedah 3.

(2) Walau apapun kaedah 3 dan subkaedah (1), Menteri boleh mengecualikan mana-mana kenderaan barang daripada mana-mana peruntukan Kaedah-Kaedah ini tertakluk kepada apa-apa syarat yang ditentukan olehnya.

JADUAL PERTAMA

[Kaedah 3]

KENDERaan YANG DILARANG

(1)

(2)

*Jenis Kenderaan Barang**Masa Larangan*

- | | |
|---|---|
| (a) Lori balak, lori yang membawa bahan binaan seperti simen, besi, keluli, batu, pasir dan tanah dan lori jongket yang membawa batu, pasir dan tanah | sepanjang masa |
| (b) Jentera berat | sepanjang masa |
| (c) Lori kontena/kargo yang membawa barang-barang elektronik/elektrik dan lori kontena/kargo yang berulang-alik di antara pelabuhan dengan lapangan terbang yang tidak berada di tempat yang sama | dari 12.00 tengah malam hingga 6.00 pagi |
| (d) Lori pembancuh simen dan kren bergerak | (i) sepanjang masa; atau
(ii) dari 6.00 petang hingga 6.00 pagi
dikawasan Lembah Kelang (70 km dari pusat bandar) dan di kawasan Johor Bahru , Ipoh dan Kuantan (50 km dari pusat bandar) tertakluk kepada had masa operasi yang dibenarkan di jalan tertentu |